



2023

UiTM MUKAH BULLETIN

Inou Dengah UiTM Mukah?



<https://sarawak.uitm.edu.my/index.php/uitm-mukah-bulletin>

HIGHLIGHTS:

Iftar Perdana Bersama TYT Sempena
Sambutan Jubli Emas UiTM Cawangan Sarawak
Terima Kasih Mantan Penolong Rektor dan
Selamat Datang Penolong Rektor Baharu
Sukan Muhibah Staf 2023 UiTM Cawangan Sarawak
Rekod Kayuhan Sempena Sambutan Jubli Emas UiTM Cawangan Sarawak

TABLE OF CONTENT

From Rector's Desk	01
From Assistant Rector's Desk	02
Editors' Note	03
Editorial Board	04
Highlights	05
News and Articles	09
Creative Writing	64
Congratulations!	66
Press and Media Coverage	81

EDITORIAL BOARD

Professor Dato Dr. Hj. Jamil Hj. Jamali

Advisor

Associate Professor Dr. Abdul Razak Abdul Kadir

Managing Editor

En Mohamad Musa Bin Bohari

Chief Editor

En Yahutazi Bin Chik

Deputy Chief Editor

Editors :

Cik Siti Faridah Binti Kamaruddin

Pn Suffina Binti Long

Pn Nur Nadia Qausar Binti Juhari

Cik Stefanie Natasha Rich Joseph

En Shileyusken Mijen

Webmaster

Pn Irene Binti Seluroh

Layout & Design

En Mohamd Shafik Bin Mohd Samsi

Corporate and Communication Unit

Published By

Corporate and Communication Unit, UiTM Mukah

eISSN : 2976-257X

Published Date : 16 November 2023

NEWS AND ARTICLES

PPSPA Anjurkan Bengkel Pemurnian Kertas Soalan Peperiksaan Akhir Sesi Julai 2023

Penulis: Nor Hilaliyah Mohd Jamil, Nurain Johar dan Hazfina Mohamed Idris

MUKAH: Pada 6 dan 7 Mei, Pusat Pengajian Sains, Perladangan dan Agroteknologi (PPSPA) telah mengadakan Bengkel Pemurnian (*Vetting*) Kertas Peperiksaan Akhir Sesi Julai 2023. Bengkel ini telah dihadiri oleh 21 orang pensyarah yang terdiri daripada penyedia soalan, penyemak kandungan soalan, penyemak format dan penyemak bahasa. Penyediaan kertas soalan peperiksaan akhir yang dilaksanakan adalah untuk program Diploma Akuakultur (AT117), Diploma Pengeluaran Herba (AT112) yang merupakan Pengurus Utama (PU) serta turut melibatkan program Pra Diploma Agroteknologi dan Kod Kursus *Servicing* di bawah Fakulti Perladangan dan Agroteknologi, UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah



Bengkel ini dimulakan dengan taklimat daripada KPP berkenaan keperluan semakan akhir penyediaan kertas soalan dan skema jawapan penilaian dan peperiksaan akhir serta taklimat ringkas dari wakil peperiksaan berkenaan tentang perjalanan bengkel. Sepanjang dua hari pelaksanaan bengkel ini, semakan secara menyeluruh kertas peperiksaan akhir telah berlangsung dengan jayanya dari jam 8 pagi hingga 6 petang.

Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk memastikan soalan penilaian dan peperiksaan akhir dibuat mengikut keperluan JSU kursus, serta mengikut format yang telah ditetapkan oleh Bahagian Peperiksaan dan Penilaian Akademik (BPPA) UiTM. Selain itu, bengkel ini dilaksanakan untuk memastikan penggunaan Bahasa Inggeris yang digunakan dalam penyediaan soalan adalah betul dan bersesuaian dengan tahap kefahaman pelajar. Dengan pelaksanaan bengkel ini, kertas soalan dan kertas jawapan yang dihasilkan dapat memenuhi keperluan format yang ditetapkan oleh BPPA.

